



Adnan (kanan) menyampaikan dividen dan bonus kepada peserta Projek Tanaman Semula Komersial (TSK) Orang Asli 2014, Pahang, semalam.

(Sinar Harian 30 JAN 2015 m/s 8 NACIONAL CBANDIR BAWA DIR MPPA)

## Pembalakan, teroka tanah punca banjir

**KUANTAN** - Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob tidak menolak kemungkinan aktiviti pembalakan dan penerokaan tanah menjadi punca banjir besar di negeri ini, Disember lalu.

Menurutnya, banjir yang berlaku itu mesti ada punca dan tidak dinafikan ia turut mempunyai kaitan dengan fenomena perubahan cuaca dunia.

"Memang ia ada kaitan dengan aktiviti pembalakan atau penerokaan tanah secara berleluasa tetapi kita tidak boleh menafikan keadaan cuaca dunia hari ini... perubahan cuaca juga kena ambil kira."

"Kalau kita tengok sejarah, banjir besar pernah berlaku pada 1926,

kemudiannya pada 1970 atau 1971... dan terbaru 2013 serta tahun lalu.

"Jika kita nak cakap ia berpunca daripada aktiviti pembalakan atau penerokaan tanah... Kalau dilihat pada tahun 1926, belum ada rekod aktiviti pembalakan yang berlaku ketika itu tapi banjir besar tetap juga boleh berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan dividen dan bonus Projek Tanaman Semula Komersial (TSK) Kelolaan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (Risda) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Orang Asli Pahang 2014, di Kompleks Yayasan Pahang di sini, semalam.

Sementara itu, beliau berkata,

dalam usaha mengatasi masalah banjir pada masa akan datang, kerajaan negeri akan mendapatkan khidmat dan pandangan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

"Saya akan minta kerjasama UMP dalam perkara ini kerana mereka adalah sebuah institusi pengajian tinggi awam di negeri ini yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknikal."

"Kerajaan negeri tiada masalah memberikan semua data dan maklumat yang ada bagi membantu pasukan itu melakukan kajian menyeluruh berhubung banjir yang berlaku di negeri ini," katanya.